

# Kediaman Ecopark, 1 Borneo dan Kingfisher meriahkan majlis watikah pelantikan

UB 3-10-2019 15  
KOTA KINABALU: Satu

sesi Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Sesi 2019/2020 Universiti Malaysia Sabah (UMS) diadakan baru-baru ini bertempat di Anjung Siswa, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS.

Majlis ini melibatkan semua ahli JAKMAS di semua Kolej Kediaman UMS termasuklah kampus induk Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan. Kediaman Ecopark, Kolej Kediaman 1 Borneo dan Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher tidak ketinggalan dan terlibat di dalam majlis berkenaan.

Terdahulu, pengetua bagi ketiga-tiga Kolej Kediaman Wijaya Kamal Ramlan melihat upacara ini adalah



**WATIKAH: Antara Exco JAKMAS yang hadir menerima watikah pelantikan.**

satu simbolik rasmi yang mengiktiraf akan pelantikan semua JAKMAS dalam usaha mereka menjalankan amanah dan tanggungjawab di peringkat Kolej Kediaman.

Ya seterusnya memudahkan segala aktiviti dan

urusan di peringkat Kolej Kediaman dapat dilaksanakan dengan baik di samping membantu pihak pengurusan dari masa ke masa.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Dr Syahrudin Awg Ahmad yang merupakan pengerusi Majlis Pengetua

Kolej Kediaman (MAPeK) baharu bagi sesi 2019/2020 mewakili Naib Canselor UMS dan turut dihadiri oleh Ketua Jabatan HEP, Kamisah Husin, beberapa pegawai utama HEPA serta pengurusan fakulti dan juga jabatan dalaman UMS.